




MUJAHADAH GURU TUNJANG PEMBANGUNAN KARAKTER AL HIKMAH, SEKOLAH SEJAHTERA



hayati dan duplikasi dalam kehidupan keguruan kita.

1. Hari Guru hadir lagi pada tahun ini pada 16 Mei 2022. Hari nya jatuh pada Isnin, lebih kurang dua minggu selepas kita meraikan Eidul Fitri. Pada kesempatan ini, sekali lagi saya mengucapkan selamat hari raya, *minal aidil Wal faizin, taqabbalallahu minna wa minkum*. Semoga Allah menerima amalan kita semua sepanjang Ramadan.

2. Signifikannya Syawal dan perkaitannya dengan sambutan Hari Guru pada tahun ini memberikan makna bahawa Ramadan itu sendiri ialah bulan pendidikan dengan sistem pendidikannya ditetapkan oleh Allah. Uniknya, kita menempuh sistem pendidikan Ramadan dengan disiplin dalaman dan mujahadah. Kualiti ibadah puasa adalah urusan antara kita dengan Tuhan sahaja.

3. Apabila hadir Syawal, kita raikan dengan gembira dan jauh dalam hati mengharapkan agar kita bergraduasi dengan ijazah Taqwa. Akhirnya, ijazah ini kita gunakan dalam kehidupan kita bagi terus memberikan khidmat bakti kepada umat untuk setahun seterusnya.

4. Sebagai seorang guru, kita insafi tugas kita adalah pendidik. Hakikatnya, model pendidikan yang kita sendiri tempuh dalam Ramadan perlu kita

5. Maksud saya, jika matlamat madrasah Ramadan ialah kepada Taqwa, maka matlamat persekolahan Pendidikan ABIM ialah kepada karakter ummatik yang akhirnya menyumbang bakti kepada umat. Kita namakan sistem pendidikan ini sebagai Sistem pendidikan Al Hikmah.

6. Maka, 9 karakter Al Hikmah telah dikenal pasti untuk kita amalkan dan budayakan dalam diri anak-anak murid yang akhirnya memaknakan kemenjadian murid yang kita harapkan.

7. Tema Hari Guru pada tahun ini ialah 'Guru Tunjang Sekolah SEJAHTERA'. 14 nilai diperincikan membentuk akronim SEJAHTERA. Secara tersurat, terdapat beza daripada istilah yang digunakan untuk memaknakan kemenjadian murid. Namun kedua-duanya, 14 nilai SEJAHTERA dan 9 karakter pendidikan Al Hikmah membawa hasrat kepada pembentukan sahsiah, adab atau akhlak.

8. Hal ini amat sesuai dengan hadis, "Sesungguhnya aku diutus hanya untuk menyempurnakan kemuliaan akhlak." (HR Al-Baihaqi dari Abu Hurairah Radhiyallahu 'Anhu).

Di samping itu, satu lagi hadis, "Allah tidak mengutusku sebagai orang yang kaku dan keras akan tetapi mengutusku sebagai seorang pendidik dan mempermudah" (HR. Muslim No 2703)

9. Justeru, saya amat yakin dan percaya bahawa guru merupakan elemen terpenting dalam menentukan kemenjadian murid, waima bagaimanapun sistem kurikulumnya dan pentaksirannya.

10. Justeru, guru perlu punyai karamah dan maruah sebagai guru yang perlu dipertahankan. Menjadi guru dewasa ini amat berbeza dan kompleks berbanding puluhan tahun lalu.

11. Malah, kita sendiri masih mendengar perbahasan berpanjangan tentang beban tugas guru, kualiti prasarana di bilik guru, kandungan



GURU TUNJANG SEKOLAH SEJAHTERA

Sebagaimana diketahui umum bahawa tanggal 16 Mei merupakan tarikh yang tidak dapat dilupakan oleh kaum guru di seluruh dunia iaitu HARI GURU di mana setiap sekolah mengadakan sambutan Hari Guru.

Kementerian Pendidikan Malaysia(KPM) telah menggariskan tujuan diadakan Hari Guru ialah :-

1. Memupuk semangat perpaduan ikhtisas dan muhibbah di antara guru.
2. Menitikberatkan peranan guru dalam pembinaan kebangsaan, pembangunan Negara dan perkhidmatan kepada masyarakat.
3. Meningkatkan martabat dan taraf guru dalam masyarakat.
4. Menarik perhatian ibu bapa, murid dan orang ramai kepada peranan penting kaum guru dalam masyarakat Malaysia.
5. Menilai secara objektif peranan guru dengan berlatarbelakang Malaysia dan mengambil langkah-langkah supaya peranan itu lebih berkesan.
6. Memberi peluang untuk memajukan kecekapan guru melalui seminar, persidangan, melanjutkan pelajaran dan sebagainya.

Bagi tahun 2022, KPM telah memberikan tema 'Guru Tunjang Sekolah Sejahtera'. Tema ini sangat sesuai sekali bagi memberi semangat baharu kepada guru serta murid dan seterusnya membentuk masyarakat yang menuntut ilmu dengan niat ikhlas agar ilmu itu memberi berkat dan melekat dalam sanubari murid.

Tugas utama bagi seorang guru adalah untuk mengajar dan mendidik. Di zaman teknologi yang serba canggih ini, menjadikan tugas seorang guru semakin mencabar. Dengan murid-murid yang bermacam ragam menjadikan tugas dan tanggungjawab guru untuk mencapai kejayaan penuh dengan cabaran. Oleh itu setiap guru perlu memperkasa keilmuan dan profesionalisme bagi membina generasi baharu yang dapat memenuhi matlamat Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan dalam konteks pendidikan ABIM ialah Falsafah Pendidikan Al Hikmah.

Justeru, setiap guru hendaklah menilai diri sendiri sejauh manakah peranan mereka telah tercapai dalam mendidik anak bangsa. Mereka juga perlu menilai apakah kesan-kesan gejala Covid-19 terhadap murid setelah hampir dua tahun mereka tidak dapat belajar secara normal sebaliknya belajar dari rumah secara maya. Dalam hal ini pihak guru hendaklah melaksanakan langkah-langkah internvensi kepada proses pembelajaran murid supaya mereka tidak terlalu jauh ketinggalan daripada sasaran yang telah ditentukan. SELAMAT HARI GURU.

Hj. Samian Mohd Ali

kurikulum yang berat untuk guru sendiri kuasai dan terangkan kepada anak-anak murid dalam masa terhad, beban tekanan tinggi daripada ibu bapa yang semakin cakna dengan pembelajaran anak-anak, cabaran pendidikan digital, cabaran kehendak pentadbir sekolah dan jangkaan pihak atasan dan lain-lain cabaran semasa dan masa hadapan. Banyak sekali cabaran itu semakin menebal dari tahun ke tahun.

12. Jelaslah bahawa tunjang kemenjadian murid dan keberhasilan sistem pendidikan itu sendiri bergantung kepada mujahadah seorang guru, dan jika dipanjangkan, mujahadah sepasukan guru sekolah, dan seterusnya mujahadah sistem pendidikan Al Hikmah. Semangat mujahadah Ramadan itulah kita teruskan dalam amalan keguruan sepanjang hayat kita menjadi guru, baik sebagai guru di bilik darjah, sebagai pentadbir operasi, dan sebagai pengurus dasar pendidikan. Semoga Allah menerima amalan kita semua.
 13. Maka, bersempena Hari Guru pada tahun ini, izinkan saya mewakili seluruh jemaah WADAH-ABIM-PKPIM mengucapkan, terima kasih cikgu atas segala jasa bakti yang dicurahkan.
 14. Sebagai institusi pendidikan jemaah yang asasnya ialah gerakan Islam yang tema terasnya adalah Gerakan Ilmu dan Bakti, sudah tentu kita mempunyai amanah dan tanggungjawab untuk terus melakukan penambahbaikan dari masa ke masa. Jangan pernah lupa tugas kita adalah untuk terus islah, melakukan pembaikan, kaizen dan menawarkan model pendidikan alternatif terbaik kepada umat.
 15. Insha Allah, Yayasan Takmir Pendidikan juga akan dan sedang pun melalui proses islah dan pumbaikan bagi memastikan hasrat jemaah terus subur dalam menjayakan matlamat ini.
 16. Kita sama-sama doakan semoga kita semua sentiasa dalam rahmat Allah dengan semangat mujahadah yang berpanjangan.
 17. Akhir kata, terima kasih juga kepada para guru kita yang telah mendahului kita di alam abadi, yang mana kita juga bakal mengikuti apabila tiba masa yang telah ditentukanNya.
 18. Namun, selagi nyawa dikandung badan, ayuh kita terus berusaha dengan sedaya upaya kita (islah mas tata'tu) bermujahadah membina generasi masa hadapan menerusi jalan pendidikan.
- Kepada Allah kita berserah. Terima kasih cikgu.
- Dr. Radin Muhd Imaduddin bin Radin Abdul Halim Pengerusi
Yayasan Takmir Pendidikan
16 Mei 2022.

Sidang Redaksi

Penasihat

Hj. Mohd Musleh Yunos

Ketua Editor

Hj. Samian Mohd Ali

Timb. Editor

Hj. Mohamad Khailani Jalil

Editor Kerja

Hjh. Nur Jannah Keman

Suhaili Husin

Khairani Thanin

Mohd Naim Mohd Nor

Che Abd Fatah Che M. Nor

Syahirah Zamasry

Norhasikin Ismail

Susnatur Grafik

Khairul Anuar M. Ariffin

Penerbit

Yayasan Takmir Pendidikan

No. 21 Jalan 7/1B, Seksyen 7,

43650 Bandar Baru Bangi

Emel:

yayasantakmir@gmail.com

Tel: 03-89265853 / 03-89202308

Fax: 03-89201788

MESYUARAT MISSAK KALI KE-XXI

Bangi – Yayasan Takmir telah mengadakan mesyuarat Majlis Pengurusan YTP (MPYTP) dengan jayanya pada 21-22 Jun 2022 di Yayasan Takmir Pendidikan Pusat. Mesyuarat ini dihadiri 50 orang iaitu Ketua Pegawai Eksekutif, Pengetua dan Guru Besar SERI dan SEMI seluruh Malaysia. Diantara agenda utama membincangkan MISSAK Kali Ke-XXI, perancangan program Nadwah Qiyadah pelajar sekolah rendah dan menengah, pengoperasian Pentaksiran Berasaskan Bilik Darjah (PBD) SPRA, Kursus Latihan Perguruan, pengurusan dan kewangan dan laporan progres Program Islah Sekolah (PIS25) yang dilaksanakan di sekolah.

Beberapa kali mesyuarat Majlis Ihtifal Sukan SERI SEMI Peringkat Kebangsaan (MISSAK) Kali Ke-XXI telah diadakan secara fizikal. Mesyuarat JK Induk YTP secara fizikal yang dipengerusikan oleh Tn. Hj. Mohd. Musleh Yunos (Ketua Pengarah YTP) dan dihadiri oleh Tn. Hj. Mohd. Khailani Abd Jalil (TKP/Pengarah Sekolah), Pn. Hjh. Nur Jannah bt Keman (Pengarah Latihan & Modal Insan), Tn Hj. Samian Ali (Pengarah Pentadbiran & Kewangan), Dr. Abd Khahar b. Saprani (Pengarah TP& SPD) dan Ust Naim b Mohd Noor (Pengarah Kaderisasi & Tarbiah) daripada pihak YTP manakala dari pihak SERI Seremban pula ialah Tn. Hj. Khalil b Jali (KPE), Pn. Khairani Muktar (Pengetua), Pn. Suzana Yusof (Guru Besar), En. Muhd. Fitri Baharuddin (GPK Koko) dan Pn. Najihah bt Abu Talib (GPK Koko SEMI) diadakan pada 19 Mei 2022. Mesyurat bersetuju



MISSAK Ke-XXI akan diadakan secara fizikal dan SERI/SEMI Seremban bersetuju untuk menjadi tuan rumah. Perubahan keputusan mesyuarat MPYTP secara maya pada 24 Januari 2022 bawa MISSAK akan diadakan secara maya dan persetujuan beberapa acara pertunjukan teknik dan kemahiran telah bersetuju untuk diubah kepada secara fizikal bersetuju dengan kebenaran oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) bawa aktiviti sukan dibenarkan secara fizikal.

Ia disususli mesyuarat JK Induk di SERI/SEMI Seremban pada 15 Jun 2022, 21 Jun 2022 dan 5 Julai 2022 dalam perbincangan mengenai jadual pertandingan, yuran, penginapan, semakan post mortem MISSAK Ke-18, sumbangan komitmen sekolah, hadiah dan pakaian rasmi induk. Manakala mesyuarat bersama Guru Penolong Kanan (GPK) dan Setiausaha Ko-Kurikulum telah diadakan secara maya pada 29 Jun 2022 dengan lebih daripada 50 orang kehadiran. Taklimat mengenai MISSAK ini disampaikan oleh. Pn. Hjh. Nur Jannah bt Keman (Setiausaha Induk MISSAK merangkap Pengarah Latihan & Modal Insan) dan aluan oleh Tn Hj. Samian Ali (Bendahari MISSAK XXI merangkap Pengarah Pentadbiran & Kewangan). Manakala makluman awal berkaitan peraturan pertandingan disampaikan oleh En. Muhd. Fitri Baharuddin (GPK Koko SERI Seremban).

Peraturan pertandingan MISSAK telah diteliti oleh semua Guru Penolong Kanan (GPK) dan Setiausaha Ko-Kurikulum secara fizikal di Yayasan Takmir Pendidikan pada 19-20 Julai 2022. Mesyuarat ini dipengerusikan oleh Tn. Hj Mohd. Khailani dan Pn. Hjh. Nur Jannah Keman. Kehadiran ahli mesyuarat seramai 58 orang. Tn. Hj. Khalil Jali, Pn. Khairani Muktar dan Pn Suzana Yusof turut hadir ke mesyuarat ini. Mesyuarat ini telah bersetuju 12 acara pertandingan termasuk acara tae-kwando hanya kategori sparring sahaja untuk dipertandingkan. Acara yang dipertandingkan adalah bola sepak, bola jaring, futsal, olahraga, badminton, sepak takraw, memanah, berenang, tae-kwando, bola tampar, ping pong dan catur. Mesyuarat ini memberi fokus kepada Peraturan Pertandingan MISSAK dan mengkoordinasi beberapa perkara penting seperti penyertaan setiap acara, teknikal, penginapan, sumbangan komitmen sekolah, hadiah dan pengangkutan.

Pemurnian Peraturan Tetap dan Peraturan Am MISSAK telah diadakan pada 11 Ogos 2022 di Yayasan Takmir Pendidikan. Tn Hj Mohd Musleh, Tn. Hj. Mohd. Khailani, Tn. Hj. Samian, Pn Hjh. Nurjannah, Tn. Syed Ismail Syed Noh Al-Habsyi (KPE SERI Al-Huda), Ust. Nazzil Saifuddin Abd. Rahim (KPE SERI/SEMI Sg Ramal), Pn. Khairani Muktar, Pn. Rogayah bt. Sebli, Pn Suzana Yusof dan En. Muhd Fitri Baharuddin. Semakan terakhir peraturan Tetap dan Am ini ialah pada bulan Ogos 2019. Perbengkelan pada 11 Ogos bermula pada 9.30 pagi hingga 6.30 petang telah mengenal pasti beberapa pekerjaan perlu dipinda dan dibaiki.

Mesyuarat GPK Koko dan SU Koko akan diadakan pada 19 September 2022 di SERI Seremban untuk taklimat kepegawaian Teknikal dan Pengadil, undian dan lawatan tapak pertandingan. Semoga perjalanan MISSAK Kali Ke-XXI ini dipermudahkan. Selamat berlatih para atlet-atlet dengan gigih dan selamat beraksi dengan gagah berani pada 21-24 Oktober 2022 nanti. Syabas yang telah terpilih mewakili sekolah dan mengharumkan nama sekolah.

Laporan : Hjh. Nur Jannah Keman

MAJLIS KONVOKESYEN KOLEJ DAR AL-HIKMAH

Suasana Gembira Bercampur Sedih

Kolej Dar Al- Hikmah telah mengadakan Majlis Konvokesyen kali ke 24 pada 4 Jun 2022 bertempat di Bangi Convention Center (BCC). Majlis telah dilaksanakan dengan penuh istiadat dan gilang gemilang.

Di antara graduan yang telah dianugrahkan Diploma Syariah ialah Ustaz Muhammad Ukasyah bin Azahari, Pengetua Madrasah Al-Hikmah Chemor, Perak dan Encik Khairul Anuar bin Ariffin, Eksekutif Yayasan Takmir Pendidikan Pusat. Selain dianugerahkan Diploma Syariah, Ustaz Muhammad Ukasyah telah terpilih sebagai pelajar terbaik keseluruhan dan mendapat Anugrah Citra Cendekia al-Hikmah. Tahniah kepada Ustaz



Muhammad Ukasyah and Encik Khairul Anuar.

Di samping itu salah seorang yang telah berjaya menamatkan kursus Diploma Pendidikan Awal Kanak-kanak ialah Puan Farisah Azwa bt Ahmad Fuad. Walau bagaimana pun beliau tidak berkesempatan untuk menghadiri konvokesyen ini kerana beliau telah kembali ke Rahmatullah pada 23 Mei 2022 kerana terlibat dalam kemalangan jalanraya semasa dalam perjalanan ke tempat kerja. Beliau merupakan guru TASKI ABIM Tangkak. Pada konvokesyen ini suami beliau Mohd Imran b. Mohd Aris telah menerima Penanugrahan Diploma Anumerta. Majlis menjadi sedih apabila dibacakan latarbelakang Allahyarhamah dan kegigihan beliau untuk menuntut ilmu dengan menghadiri kuliah sepanjang menjalani kursus di KDH. Beliau sanggup berulang alik dari Sawahring, Bukit Gambir, Muar ke KDH walaupun menaiki bas. Semoga Allah mencurii rahmat ke atas roh Allahyarhamah. Al-Fatihah.

Laporan : Hj. Samian Mohd Ali



ILTIZAM PETUGAS JAMAAH DAN AGENSI

Program iltizam petugas jamaah dan agensi telah diadakan pada 26 April 2022 di Bilik Syura Kolej Dar al-Hikmah. Penyertaan adalah dari ketua-ketua agensi & institusi ABIM bersama kakitangan serta ketua-ketua Sekretariat ABIM Negeri bersama kakitangan.

Agenda Majlis :

1. Kehadiran petugas dan wakil agensi di lokasi serta daftar masuk penyertaan menerusi zoom

2. Alunan Al Asma' Al Husna

3. Ucapan sambutan Sdr. Mohammad Fazril Mohd Saleh (SUA ABIM)

4. Ucapan sambutan Ketua Eksekutif KDH (Dr Salmijah Surif)

5. Wacana Sempena World#QuranHour:

"Mengagenda Nahdah Umat: Ibrah Surah Al-Sajadah" oleh; Ustaz Mohd Naim Mohd Noor

6. Ucapan/ Ulasan Ketua-ketua agensi ABIM: Dr Salmijah Surif Ketua Eksekutif KDH, Hj Mohd Musleh Yunos Ketua Pengarah YTP, Sdr. Firdaus Hadzir Setiausaha Agung PKPIM, Sdr Muhammad Nizam Samsudin Pengasas ADAB Youth Garage (AYG), Sdr Nazzil Saifuddin Abdul Rahim Ketua Eksekutif SERI/SEMI ABIM Sg Ramal.

7. Agihan Bantuan "Kempen Seorang Sekampit Beras (KSSB)"..gimik agihan..

8. Nyanyian lagu "perjuangan" ABIM



Petika Ucapan Peneraju/ Sdr Mohammad Fazril Mohd Saleh Setiausaha Agung ABIM:

Jamaah mesti ada medium wahana komunikasi untuk disampaikan mesej dari generasi lama kepada generasi baru. Segalanya dari yang sukses hingga liabiliti supaya generasi baru dapat kutip dan mengambil iktibar daripadanya...pesanan Almarhum Us Siddiq Fadzil.

Tadabbur Surah Al-Sajadah Oleh Ustaz Mohd Naim Mohd Noor:

Sunat dibaca surah ini setiap pagi Jumaat. Surah yang sering dibaca, menuntut kita bersujud syukur.

Makhluk lain sentiasa menurut peraturan Allah SWT sepetimana malaikat kecuali manusia dan jin.

Surah Al Sajadah ada 3 perkara besar dalam surah ini; i. Kebesaran Allah, ii. Hikmah, iii. Anugerah alam kepada kita untuk dimanfaatkan. Proses kejadian malam ke waktu siang berlaku secara perlahan-lahan , ini satu rahmat daripada Allah SWT. Melakukan sesuatu dengan bersungguh-sungguh. Nabi SAW mencari secara bersungguh-sungguh keredhaan Allah SWT dengan ibadah malamnya yang panjang, sehingga bengkak kaki Baginda SAW. Beringat supaya kita tidak tergolong kepada orang-orang yang tersangat-sangat menyesal di akhirat kelak.

Laporan : Suhaili Hussin

RETREAT GABUNGAN PERSATUAN PENDIDIKAN ISLAM MALAYSIA (GAPIM)

Pada 30 Jun 2022 telah diadakan Program Retreat Gabungan Persatuan Pendidikan Islam Malaysia GAPIM di Bilik Seminar YTP dan secara atas talian. Penyertaan dari AJK GAPIM iaitu Dr. Khodori Ahmad (Presiden) LPS Maahad Tahfiz Nurul Huda Hulu Langat, Hj. Khailani Abdul Jali (Timb. Presiden) YTP, Hj. Mohd Musleh Yunos (Naib Presiden) YTP, Hj. Engliman Roslan (Naib Presiden) HALUAN, Ust. Megat Mohamed Amin Megat Mohamed Nor (Setiausaha Agung) IKRAM, Hj. Abdul Karim Taib (Bendahari) IKRAM, Ust. Jefry bin Fadzil (Pen. Setiausaha Agung) PERTIM, Hjh. Jasmin Baba (Ahli) IKRAM, Hj. Abd. Rahman Mohd Yasin (Ahli), Ust. Mohd Zawawi Fadzil (Ahli) PERMATA dan Suhaili Hussin (Ahli) YTP.



Penyertaan YTP dalam GaPIM untuk sesi 2022 – 2023 melibatkan seramai 5 orang daripada 12 orang jumlah ahli jawatankuasa. Antara hasil keputusan Retreat GaPIM ialah masih mengekalkan matlamat dan hala tuju GaPIM sehingga tahun 2030 iaitu landasan untuk kebersamaan demi meningkat kebermaknaan dan keberkesanan pendidikan Islam. Beberapa istilah telah ditukar sesuai dengan keadaan semasa dan akan datang. Dalam usaha menggerakkan aktiviti GaPIM dalam jangkamasa pendek dan sederhana salah satu perkara utama yang perlu ada adalah dana, jesteru itu mesyuarat khas dana GaPIM akan diadakan pada 19 Julai 2022 secara atas talian, kertas kerja akan dibentangkan oleh Hjh. Jasmin bt. Baba.

Laporan : Suhaili Hussin

AKTIVITI TASKI



Tanggal 16 Mei adalah tarikh tetap sambutan Hari Guru Malaysia. Kebiasaannya semua TASKI seluruh Malaysia akan menyambut hari tersebut setiap tahun bagi menghargai dan meraikan jasa guru-guru yang mengajar dan mendidik anak-anak TASKI. "Guru Tunjang Sekolah Sejahtera" telah dipilih sebagai tema hari guru bagi tahun 2022, menyentuh peranan guru dalam memperkasa keilmuan dan profesionalisme bagi membina generasi baharu negara yang dapat memenuhi matlamat Falsafah Pendidikan Kebangsaan sekaligus Falsafah Pendidikan Al-Hikmah.

Antara objektif hari guru adalah meninggikan martabat dan taraf guru dalam masyarakat serta menarik perhatian ibu bapa, murid dan orang ramai kepada peranan penting kaum guru dalam masyarakat Malaysia. Di sini dapat dikongsikan beberapa sisipan gambar sepanjang majlis berlangsung di beberapa buah TASKI.

Laporan : Norhasikin Ismail



HARI KELUARGA YTP

Pada 25 Jun 2022 telah diadakan Hari Keluarga YTP di rumah salah seorang pengarah YTP, Dr. Hj. Abd. Khahar bin Saprani (Pengarah Teknologi Pendidikan dan Sumber Pembelajaran Digital) yang beralamat di 3721, Jalan Rizab Zazuli, Kampung Bukit Cherakah, 45800 Jeram, Selangor. Pengajuran hari keluarga ini adalah bagi mengeratkan silaturrahim dan hubungan kekeluargaan antara semua staf. Ia juga merupakan salah satu cara untuk menyatukan dan meningkatkan kerjasama antara semua staf untuk melakukan aktiviti bersama dalam pengisian masa yang dirancang. Selain daripada itu dapat menyemarakkan semangat kerjasama, hormat-menghormati dan menanam nilai-nilai murni melalui aktiviti-aktiviti yang dijalankan.

Alhamdulillah semua staf YTP seramai 17 orang dapat menghadirkan diri bersama keluarga masing-masing pada tarikh tersebut. Program dirasmikan dengan ucapan Ketua Pengarah YTP, Hj. Mohd. Musleh bin Yunos dan bacaan doa oleh Ustaz Mohd Naim bin Mohd. Noor.

Pelbagai aktiviti telah dijalankan antaranya teka berat kacang tanah dalam balang, pertandingan menganyam daun ketupat, memancing, kerusi muzik, baling belon berpasangan, treasure hunt, berenang paling laju dan menyelam paling lama. Aktiviti kanak-kanak juga disediakan antaranya isi air dalam botol dan pancing botol.

Juadah sarapan dan makan tengahari disediakan oleh tuan rumah. BBQ turut disediakan oleh pengarah dan staf YTP. Program berakhir hampir jam 4.00 petang dengan penyampaian hadiah kepada para pemenang dan bersurau.

Laporan : Khairani Thanin



PERISTIWA


SAMBUTAN HARI RAYA DI SERI SG. RAMAL (28 MAY 2022)



SAMBUTAN HARI RAYA DI RUMAH TN. HJ. ISHAK (30 MAY 2022)



SAMBUTAN HARI RAYA DI RUMAH TN. HJ. MUSLEH (18 MAY 2022)



USTAZ ABD. AZIZ MENERIMA ANUGERAH KEPIMPINAN TRANSFORMASI PADA MAJLIS SAMBUTAN HARI GURU DAERAH KINTA UTARA 2022



Program penanaman hidroponik menggunakan teknologi solar bersama pengusaha tanaman hidroponik, En. Muhammad Raizzudin Bin Abd Rashdi. Program ini juga telah dirasmikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif Sekolah, Tn. Nazzil Saifuddin Bin Abdul Rahim. (25 MEI 2022)



KURSUS ASAS PERGURUAN (KAP) AL-HIKMAH

Kursus Asas Perguruan (KAP) Al-Hikmah Kump. 2 telah berjaya diadakan selama tiga hari iaitu 8-10 Jun 2022. Kursus KAP AH ini adalah siri ke dua yang diadakan secara maya dihadiri oleh 111 orang guru dari SERI/SEMI/SRI Kafa dan TASKI ABIM seluruh Malaysia. Kursus ini diurus kendalian oleh Pn. Hjh. Nur Jannah Keman (Pengarah Latihan & Modal Insan) merangkap Pengarah Program dan dibantu oleh Cik Sakinah (Eksekutif Latihan).

**KURSUS ASAS PERGURUAN AL-HIKMAH
SIRI 2**

SECARA MAYA

**8 - 10 JUN 2021
27 - 29 SYAWAL 1442H**

**YAYASAN TAKMIR
PENDIDIKAN**

Kursus ini diadakan bermula 8.30 pagi hingga pukul 5.00 petang. Para pensyarah adalah terdiri daripada para Pengarah Yayasan Takmir Pendidikan mengikut bidang kepakaran masing-masing. Topik berkaitan Guru dan Faham Ilmu, Konsep Kompetensi Al-Hikmah dan Merentas Kurikulum disampaikan oleh Tn. Hj. Mohd. Khailani Abd. Jalil (Timb. Ketua Pengarah & Pengarah Sekolah) manakala subjek Teknologi Pendidikan oleh Dr. Abd. Khahar b. Saprani (Pengarah Teknologi Pendidikan & Sumber Pembelajaran Digital). Tn. Hj. Mohamad b Abu Daud (Pengarah Akademik) menyampaikan subjek Pentaksiran Pendidikan dan Pn. Hjh. Nur Jannah bt Keman (Pengarah Latihan dan Modal Insan) tajuk 'Pengurusan Bilik Darjah' dan subjek Psikologi Pendidikan disampaikan oleh Tn Hj. Ishak Ali Shah (Pengarah TASKI).

Para peserta telah dibekalkan dengan ilmu, kemahiran dan nilai melalui pendidikan Al-Hikmah sebagai bekalan untuk menjadi guru yang mua'dib dan murabbi. Tugasan berbentuk asingment telah diberi agar para peserta lebih mendalamai ilmu yang diberikan, penghayatan dan perbincangan dalam kumpulan dan kolaborasi untuk menghasilkan kerja yang lebih inovatif dan kreatif. Kursus ini akan disambung pada siri ke-3 pada bulan November nanti secara fizikal dan akan lebih banyak kepada perbengkelan dan latihan mengajar secara terpandu (mikro teaching). Pada awal tahun depan peserta-peserta ini akan membuat praktikum selama sebulan untuk melengkapkan kursus Asas Perguruan ini.

Laporan : Hjh. Nur Jannah Keman

PUAN HAJAH JAU ZAHARAH PENERIMA CENDERAHATI PENGHARGAAN DARI TIMBALAN KETUA MENTERI 1 PULAU PINANG



Puan Hajah Jau Zaharah binti Shaari penasihat TASKI ABIM Pulau Pinang sejak tahun 1983 telah menerima cenderahati penghargaan dari Timbalan Ketua Menteri 1 Pulau Pinang, YB. Dato' Ir. Hj. Ahmad Zakiuddin bin Abdur Rahman, diiringi oleh Pengurus Yayasan Takmir Pendidikan Negeri, Ustaz Haji Mahamad Aziz, CEO Ad Diniyah Tn.Haji Mustafa serta Guru Besar Taski/Seri Ad Diniyah Ustaz Muttaqeen Mustafa.

DIALAH pelopor, pengasas, perintis, yang membuka, yang mengerak, yang mula mengajar, guru, pembantu, pentadbir, yang mula mendidik anak-anak taski, yang membina jati diri guru-guru awal, pencetus Taski ABIM pertama di negeri Pulau Pinang di era 80an, bonda kami Hajah Jau Zaharah binti Haji Shaari. Semua kekuatan itu datang dariNya yang maha berkuasa Allah robbul jalil, semoga Allah memberkati bonda kami, terus berbakti memberi nasihat kepada generasi ke generasi yang silih berganti selagi nyawa dikandung badan, Semoga bonda diberi kesihatan yang baik terus beribadah kepadaNya.

Laporan : Hj. Samian Mohd Ali

PELAJAR SERI TERPILIH MENGHADIRI MODEL OIC HIGH SCHOOL SUMMIT 2022 DI ISTAMBUL, TURKI



MOIC Student Club Malaysia telah menghantar 2 orang wakil pelajar untuk menghadiri Model OIC High School Summit 2022 yang diadakan pada 6-9 Mei 2022 di Istanbul, Turki. Nur Aisyah Yasmi bt. Abdul Salam dan Nurul Syakirah bt. Mohammad Nizam telah terpilih untuk menghadiri Model OIC High School Summit 2022. Kedua-dua pelajar tersebut adalah dari sekolah SEMI ABIM Sungai Ramal. Turut bersama dalam program ini ialah Cik Nur Balqis Faraheen binti Zainuddin sebagai ketua rombongan dan penasihat. Beliau merupakan Country Coordinator(Malaysia) MOIC Student Club Malaysia dan juga sebagai exco PKPM.

Antara objektif penubuhan Model OIC adalah sebagai simulasai akademik Organazation of Islamic Cooperation(OIC) yang bertujuan untuk mendidik peserta tentang perkembangan semasa dan dalam amalan hubungan antarabangsa, komunikasi berkesan dan diplomasi pelbagai hala. Program ini merupakan program antarabangsa pertama MOIC Student Club Malaysia dan diikuti permulaan untuk pengembaraan organisasi Muslim yang beraksi di pentas antarabangsa. Selain itu program ini bertujuan untuk mengasah bakat kepimpinan dan kecaknaan pelajar di negara Islam akan hak dan polimik yang berlaku di sekitarnya. Mereka dilatih untuk bersuara sebagai pemimpin masa depan dan seterusnya untuk membantu negara mereka. Dalam perhimpunan tersebut mereka telah berjumpa dan bersiasah bersama 300 pelajar dari lebih 70 buah negara Islam.

Laporan : Hj. Samian Mohd Ali

Hj. Zainal Abidin Hj. Abd. Latiff



Dilahirkan pada 11 November 1947 di Kampung Sungai Jai, Lenggeng, Negeri Sembilan. Merupakan anak kelima dari tujuh orang adik-beradik. Ibu dan bapa beliau bekerja sebagai penoreh getah dan pesawah.

Mendapat Pendidikan awal di Sekolah Rendah Kebangsaan Sungai Machang. Melanjutkan pengajian di peringkat menengah di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Sheikh Haji Mohd Said Seremban (SHAMS). Kemudian, ke Kolej Islam Klang di peringkat menengah atas. Seterusnya, ke peringkat Ijazah Sarjana Muda dalam jurusan Pengajian Melayu di Universiti Malaya.

Memulakan kerjaya sebagai seorang guru di SMK Abdul Samad dan beberapa buah sekolah. Kemudian, menjadi pengetua pertama di Sekolah Agama Pedas, dan bertugas di PPD Kuala Pilah dan berpindah ke PPD Jelebu sehingga bersara. Setelah bersara, beliau berkhidmat dalam pengurusan dan pentadbiran di Sekolah Sri Seremban, Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) sehingga menghembuskan nafas terakhir pada 11 April 2005.

Diusia mudanya beliau bergiat cergas di dalam kegiatan dakwah ABIM bermula pertengahan dekad 70-an sehingga keakhir hayat. Semasa bergiat bersama ABIM beliau pernah dilantik sebagai ketua biro dakwah, biro pendidikan dan dilantik sebagai Yang Dipertua ABIM Negeri Sembilan.

Semasa kepimpinan beliau ABIM Negeri Sembilan berkembang pesat dengan usaha dakwah kepada masyarakat dan berjaya menujuhan Sekolah Sri Seremban. Beliau juga berjaya memimpin usrah yang dianggotai aktivis dari sektor korporat sehingga berjaya merealisasikan projek pembangunan harta tanah dengan pelaburan melebihi RM 3 juta. Projek ini melibatkan pembelian ladang getah seluas lebih dari 400 ekar milik pengusaha China. Tanah ini kemudian dipecah kepada lot-lot kecil seluas satu dan dua ekar dan dijual kepada ahli ABIM dan masyarakat luar untuk diusahakan sebagai lot kediaman atau dusun.

Jasa beliau banyak dicurahkan dalam bidang pendidikan dalam bentuk pelatihan guru serta pengurusan sekolah. Kejayaan sekolah Sri Seremban adalah antara manifestasi sentuhan kepimpinan beliau di dalam bidang pendidikan. Beliau juga terlibat dalam membantu Yayasan Takmir Pendidikan (YTP) melakukan kenaziran di sekolah-sekolah YTP dibawah pimpinan Ustaz Mahyudin Ashaari yang menjadi Ketua Pengarah Pendidikan (KPP YTP) pada waktu tersebut. Semoga almarhum tenang dan damai di sana. Al-Fatihah.

Laporan : Suhaili Hussin



"Hidup memerlukan pengorbanan. Pengorbanan memerlukan perjuangan. Perjuangan memerlukan ketabahan. Ketabahan memerlukan keyakinan. Keyakinan pula menentukan kejayaan. Kejayaan pula akan menentukan kebahagiaan."

MENGENALI INSTITUSI PENDIDIKAN YTP TASKI AL-HIDAYAH, MUAR JOHOR

Taski ABIM Muar memulakan pengoperasiannya pada 1986 bermula dengan menyewa rumah yang dijadikan markas ABIM Muar. Pada permulaannya jumlah muridnya seramai 25 orang bertambah dari tahun ke tahun. Atas usaha YDP ABIM Muar pada waktu itu Ustaz Hj Abd Salam Damio terbinalah bangunan ABIM yang dikenali dengan Pusat Pendidikan ABIM Muar pada tahun 1998. Taski ABIM Hidayah Muar telah berpindah ke tempat baru di Jalan Temenggong Ahmad Muar. Dari sebuah bangunan seperti rumah



biasa menjadi bangunan 2 tingkat untuk menampung murid Taski yang bertambah dari tahun ke tahun. Pada tahun 1992/93 hanya 2 kelas sahaja dengan 55 orang murid serta 2 orang guru sahaja kini muridnya telah bertambah kepada 190 orang dengan 6 orang guru dan 3 orang staff. Di sinilah juga Pejabat ABIM Daerah Muar yang menjalankan pengurusan seluruh Taski Daerah Muar /Ledang.

Penubuhan Taski cawangan yang lain

Taski yang paling awal ditubuhkan Taski ABIM Nurul Ehsan. Ditubuhkan dalam tahun 1983 bertempat di Surau Sulaiman di Jalan Hj Jaib dengan pelajarnya seramai 20 orang . Taski ini telah ditutup pada tahun 2003 atas faktor tempat (menumpang bangunan surau) dan keselamatan.

Taski ABIM Azzuhud terletak di Bakri ditubuhkan dalam tahun 1986 menumpang di bangunan Masjid Bakri Bt 6 tetapi akhirnya beroperasi di bangunan serbaguna Taman Kg Kenangan Dato Abdullah Jaafar mulai tahun 1990 .Beroperasi di sesi pagi bermula 7.30 hingga 11.30 pagi .Taski ini masih beroperasi sehingga sekarang.

Taski ABIM Pt Sakai ditubuhkan pada tahun 1986 beroperasi di bangunan Mesjid Jamek Al Manar Pt Sakai.

Hanya beroperasi di waktu petang dari jam 2.00 hingga 5.00 ptg. Atas sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan Taski ini terpaksa ditutup pada tahun 2015.

Taski ABIM Bukit Pasir ditubuhkan pada 1985 di bangunan Balairaya Kg Naib Kadir ,Bukit Pasir. Diasaskan oleh Pn Hjh. Jawiah bt Wahari bersama Exco Pendidikan ABIM En Majid b. Mistam. Taski ini dapat bertahan sehingga 2017 atas faktor kekurangan murid.

Taski ABIM Tangkak ditubuhkan pada tahun 1999 bertempat di Taman Tangkak 2 Tangkak, ia beroperasi dalam Kawasan bandar Tangkak. Dengan permulaan murid seramai 28 orang beroperasi pada sesi pagi dan 2 orang guru kini Taski ini mempunyai murid seramai 82 orang dengan 3 orang guru.

Taski ABIM Sengkang mula beroperasi pada tahun 2000 menumpang di perkarangan masjid Jamek Sengkang Batu 20 . Dengan jumlah pelajar 20 orang Taski ini diterajui oleh Cikgu Marmah.

Beroperasi di waktu pagi dari jam 8.00 hingga 11.00 pagi. Pada tahun 2015 atas sebab-sebab tertentu Taski ini berpindah di Jalan Meranti 5 Kg Sri Meranti Sengkang dengan bangunan sendiri hasil sumbangan orangramai di atas tanah yang diwakafkan oleh Pn Yatinah Mispan. Beliau juga merupakan guru Taski di Sengkang sehingga kini.

Taski ABIM Pagoh ditubuhkan pada tahun 2002 di Kg. Sebasu Pagoh. Bangunan Taski dapat didirikan atas sumbangan orang ramai di atas tanah yang diwakafkan oleh orang perseorangan untuk kegunaan ABIM Daerah Muar menjalankan aktiviti. Atas anisiatif AJK ABIM daerah tertubuhlah Taski ABIM Pagoh ini dengan tenaga pengajar yang ada Pn. Hafshah bt. Parman.Taski ini beroperasi di sesi pagi sahaja 7.30 hingga 11.30 pagi. Kini Taski ini diterajui oleh gurunya Pn. Lailawati bt. Khamis dan Cik Ismah Izzah Abu Bakar dengan jumlah pelajar seramai 32 orang.

Taski ABIM Pagoh Jaya bertempat di jalan Jaya 26/1, Taman Pagoh Jaya telah ditubuhkan pada 2007 yang beroperasi di sesi petang pada mulanya tetapi kini telah beroperasi di sesi pagi dan petang dan mempunyai murid seramai 35 orang dan 2 orang guru. Taski ini beroperasi di rumah yang telah diwakafkan Pn. Hjh. Noormala Ali Penasihat Taski ABIM Daerah Muar.

Laporan : Khairani Thanin